

25 FEB 2001

Zainuddin-Rustam

RUSTAM RENDAHKAN MARTABAT USMAN, KATA ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin hari ini berkata Naib Presiden Parti Rakyat Malaysia Rustam A.Sani telah merendahkan martabat Sasterawan Negara Datuk Usman Awang apabila mendakwa bahawa Usman telah dipengaruhi untuk menerima satu anugerah khas daripada Perdana Menteri.

Katanya Rustam juga telah membuat penilaiannya sendiri bahawa tokoh wartawan negara Tan Sri A. Samad Ismail dan wartawan veteran Datuk Mazlan Nordin telah merendahkan reputasi mereka dengan bekerja di New Straits Times dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS).

"Jika Rustam Sani memandang rendah pada institusi itu maka itu bukan pemikiran umum tetapi adalah penilaiannya sendiri yang terkongkong di bawah tempurung politik kepartian sendiri dan adalah amat dikesalkan bahawa Rustam Sani telah kehilangan intelektualitinya kerana berada di bawah tempurung politik kepartian," kata Zainuddin kepada Bernama di sini sebagai menjawab beberapa dakwaan Rustam semalam.

Rustam dalam satu kenyataan kepada lidah rasmi Pas keluaran terbarunya mendakwa Zainuddin memburukkan reputasi Usman dengan mempengaruhinya supaya menerima satu anugerah khas yang disampaikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama dulu.

Beliau mendakwa ini dilakukan oleh Zainuddin untuk mengatasi pengaruh Sasterawan Negara Datuk Shahnnon Ahmad yang menurutnya telah menggegarkan dunia sastera dengan novelnya "SHIT".

Rustam turut mendakwa bahawa reputasi Samad dan Mazlan turut menjadi mangsa dan hilang rasa hormat teman-teman kerana mereka melakukan tugas yang sama seperti yang dilakukan oleh Zainuddin di New Straits Times dan ISIS.

Zainuddin berkata beliau mengambil langkah menghargai Usman kerana mahu orang yang telah berjasa besar kepada Kumpulan Utusan Melayu merasakan penghargaan semasa hayat mereka.

-- BERNAMA

RV RV MAI